

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 17 FEBRUARI 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

MENGANGKAT SUMPAAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1221-L16511
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi penurunan indeks negara dalam menangani gejala rasuah; dan
 - (b) mengapakah indeks ini terus menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

2. PR-1221-L17600
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menangani pemberhentian dan pengurangan peluang pekerjaan berikutan pengecilan operasi, penutupan dan perpindahan kilang-kilang ke negara lain akibat kelemahan permintaan barangan di negara-negara maju. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjana peluang pekerjaan baru kepada rakyat Malaysia.

3. PR-1221-L17753
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
 - (a) adakah kursus pemantauan harga barang makanan yang telah dianjurkan kepada pihak NGO oleh pihak Kementerian benar-benar berkesan; dan

- (b) apakah langkah-langkah atau cadangan-cadangan masa depan pihak Kementerian dalam meningkatkan persaingan harga komoditi dan barang-barang makanan dalam pasaran.
4. PR-1221-L17634
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan alasan bagi kegagalan menangani 'epidemic' wabak denggi dan chikungunya sejak tahun lepas yang mencatat rekod tinggi jumlah kes dan kematian denggi dan sama ada wujudnya perang habis-habisan terhadap denggi.
 5. PR-1221-L17066
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan perlu diambil untuk mengelakkan atau meminimumkan kesan buruk daripada fenomena 'global financial meltdown' serta 'recession' yang sudah mulai dialami di Malaysia sekarang.
 6. PR-1221-L17636
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian telah mengambil kira pandangan dan desakan NGO-NGO daripada semua kalangan supaya Kerajaan menarik balik dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.
 7. PR-1221-L17259
Dato' Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha Bank Negara untuk memastikan dana yang secukupnya akan disediakan oleh institusi-institusi kewangan untuk memberi perkhidmatan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha dan peminjam lain agar mereka dapat terus melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam meneruskan pembangunan ekonomi negara.
 8. PR-1221-L16747
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan sebenar anggota-anggota Polis yang terlibat dalam siasatan kes-kes jenayah dan apakah langkah Kerajaan dalam melantik Pegawai atasan yang berbilang kaum di PDRM.
 9. PR-1221-L16759
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menghantar pasukan perubatan ke Palestin setelah resolusi persidangan khas Parlimen yang dilakukan pada 12 Januari 2009 berjaya membuka mata masyarakat dunia tentang peranan Malaysia dalam membantu rakyat Palestin.

10. PR-1221-L17870
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan projek cari-cari yang telah dijalankan mengikut negeri dan daerah serta nyatakan juga hasil dari program tersebut.
11. PR-1221-L17390
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan status dan kandungan utama bagi:-
- (a) Dasar Tenaga Negara yang baru yang dilakukan pihak Kementerian bersama Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Kementerian; dan
 - (b) pelan tindakan tenaga boleh diperbaharui yang dirangka oleh pihak Kementerian.
12. PR-1221-L16968
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah keseluruhan perbelanjaan yang diperuntukkan untuk program Bumi Hijau dan setakat bagaimanakah kejayaannya.
13. PR-1221-L16739
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) status pelaksanaan jalan raya Kg. Tundun Bohangin, Kinabatangan; dan
 - (b) langkah-langkah Kerajaan dalam menerokai program pembasmian kemiskinan di daerah Tongod dan Kinabatangan.
14. PR-1221-L18341
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjemput Presiden Amerika ke 44, Barack Obama untuk lawatan rasmi ke Malaysia dalam masa terdekat ini dan nyatakan sama ada akan ada perubahan dalam perhubungan luar dengan Amerika Syarikat selepas ini.
15. PR-1221-L17100
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah sebenar keanggotaan ahli Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan ahli Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang berdaftar di negara ini; dan

- (b) apakah fungsi RELA, JPAM dan berapakah gaji/upah yang dibayar kepada mereka bagi tugas yang dilaksanakan.
16. PR-1221-L17959
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya terbakar pada masa Gerakan Reformasi pada awal tahun 2000 dan ada pelajar-pelajar dikatakan telah terlibat dalam kejadian ini:-
- (a) sudahkah dikenal pasti pelajar-pelajar ini dan apakah jenis tindakan yang telah dikenakan ke atas mereka; dan
- (b) bilakah Dewan Panggung Eksperimen Dewan Tunku Canselor yang terbakar akan diperbaiki.
17. PR-1221-L18314
Dato' Lee Chee Leong [Kampar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sebab-sebab bekalan ikan masih berkurangan meskipun nelayan-nelayan di seluruh negara ini sudah diberi insentif tambahan untuk meningkatkan keluaran. Adakah fenomena sebegini mungkin diakibatkan oleh faktor-faktor lain selain daripada isu insentif. Bagaimanakah masalah-masalah industri perikanan ini dapat diatasi demi kepentingan pengguna.
18. PR-1221-L17977
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha yang dilakukan Kementerian untuk meningkatkan kemahiran, kualiti kakitangan terutama di setiap daerah agar perancangan dan matlamat Kementerian dapat dilaksanakan dengan sempurna terutama kepada kumpulan sasaran dan apakah Kementerian bersedia membawa pakar luar negara untuk memberikan perkhidmatan dalam negara ini, sebagai usaha meningkatkan kualiti pengeluaran pelbagai produk pertanian.
19. PR-1221-L16907
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian mengatasi syarikat-syarikat telekomunikasi yang dilihat gagal melaksanakan CSR iaitu memberi liputan kepada pengguna telefon mudah alih di kawasan luar bandar dan pedalaman.
20. PR-1221-L17436
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana usaha Kerajaan dalam memperbaiki dan mempertingkatkan prasarana kawasan rumah pangsa kos rendah yang uzur dan menjelikkan.

21. PR-1221-L17155
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat di setiap negeri yang dilahirkan dan dikategorikan sebagai Daftar Lewat dan sama ada Ordinan Kelahiran Sabah, Cap. 123 tahun 1953 yang difahamkan disatukan dalam Akta Pendaftaran Kelahiran masih diguna pakai.
22. PR-1221-L16833
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan Daerah Serian, tidak mempunyai Poliklinik dan keperluan untuk mendapatkan sebuah Poliklinik agak mendesak, bilakah Poliklinik akan dibina di bandar Serian.
23. PR-1221-L16663
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah wang dan berapakah bilangan akaun tak aktif yang telah dipindahkan ke Bank Negara setiap tahun dari 2000 sehingga 2008; dan
 - (b) apakah jumlah wang yang terkumpul dari akaun-akaun tak aktif setakat ini dan apakah tindakan berkaitan yang akan diambil oleh Bank Negara.
24. PR-1221-L16848
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak permohonan kewarganegaraan yang telah diterima dalam tempoh 15 tahun yang lalu di Sabah. Berapa banyak yang telah diluluskan dan dari manakah negara asal pemohon-pemohon tersebut.
25. PR-1221-L18255
Datuk Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah projek RMK-7 dan RMK-8 mengikut negeri yang belum dilaksanakan dan sama ada projek-projek tersebut akan diberi keutamaan untuk dilaksanakan dalam RMK-9.
26. PR-1221-L18121
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan dan apakah rancangan Kerajaan untuk membangunkan industri pelancongan di Taiping yang telah dikenal pasti sebagai BANDAR WARISAN NEGARA.

27. PR-1221-L16650
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik keputusan peperiksaan UPSR dan PMR mengikut demografi bandar, luar bandar dan pinggir bandar untuk Matematik dan Sains:-
- (a) berapakah markah lulusnya; dan
 - (b) peratusan yang menjawab soalan dalam Bahasa Inggeris.
28. PR-1221-L18191
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dasar sebenar Kerajaan terhadap pembangunan cerun tinggi memandangkan perbezaan pendirian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
29. PR-1221-L18039
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah butiran pakej memberangsangkan ekonomi RM7 bilion dan jumlah yang dibelanjakan. Berapakah sumbangan kepada GDP dan adakah ia mencukupi. Mengapakah tidak ditambah kepada RM50 bilion - RM35 bilion bagi pekerja, RM13 bilion bagi syarikat dan RM2 bilion bagi pendidikan wif.
30. PR-1221-L17752
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk menghadapi peningkatan lagi gejala jenayah yang sudah berleluasa seperti rompakan, kecurian, jenayah kekerasan di Wangsa Maju serta tempat-tempat lain pada waktu negara kita sedang mengalami kemelesetan ekonomi yang akan memaksa lebih ramai lagi orang terjerumus dalam kancah jenayah akibat tekanan hidup.
31. PR-1221-L17627
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk meningkatkan taraf politeknik kepada taraf kolej universiti.
32. PR-1221-L18195
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) menggariskan peranan dan skop kerja Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat kawasan Parlimen (MPWKP) di dalam rangka membangunkan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara umum; dan

- (b) bagaimanakah MPWKP membantu Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mempunyai permasalahan khusus seperti ibu tunggal, penderaan dan sebagainya.
33. PR-1221-L17381
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah sumbangan Tun Dr. Mahathir sebagai penasihat kepada Petronas dan Proton setelah beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri pada tahun 2003.
34. PR-1221-L18329
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah kerajaan akan mengkaji semula Perjanjian Persefahaman (MoU) kerjasama antarabangsa dalam industri pertahanan antara Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) yang telah dimeterai dengan negara yang menjadi sekutu Israel dan Amerika Syarikat.
35. PR-1221-L17795
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kesan kemelesetan ekonomi sedunia yang bakal melanda ekonomi negara.
36. PR-1221-L17983
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci mengenai projek Lapangan Terbang LCCT KLIA East @ Labu dan apakah justifikasi pelaksanaannya dari sudut pandangan Kerajaan Persekutuan dan siapakah yang akan menanggung perbelanjaan untuk membina infrastruktur sistem jaringan pengangkutan seperti landasan penghubung ERL dan sebagainya.
37. PR-1221-L17649
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan dasar dan garis panduan untuk persembahan pentas di kalangan penggiat seni asing dan tempatan.
38. PR-1221-L17785
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan positif berikutan langkah-langkah, pakej-pakej merangsang ekonomi yang diperkenalkan Kerajaan sejak prestasi kewangan Negara menurun, bagaimanakah semua peruntukan ini dibelanjakan dan bagaimanakah pula prospek ekonomi tahun 2009.

39. PR-1221-L18026
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang 'retrenchment'. Adakah terdapat apa-apa program ataupun rancangan daripada Kerajaan Pusat untuk memberi pekerjaan-pekerjaan lain kepada mereka yang dibuang kerja dan menyelamatkan mereka dari terus menganggur.
40. PR-1221-L17253
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan jumlah rakyat yang mendapat faedah hasil daripada pengecualian bayaran kadar bil elektrik RM20.00 ke bawah.
41. PR-1221-L17759
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sebab-sebab mengapa arahan dikeluarkan supaya Ketua-ketua Jabatan Persekutuan di Perak memboikot mesyuarat anjuran Kerajaan Negeri; dan
 - (b) sama ada arahan dibuat di negeri-negeri Pakatan Rakyat lain.
42. PR-1221-L17503
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah agenda Perdana Menteri untuk bertemu Presiden Amerika Syarikat baru, Mr. Barrack Obama dalam masa terdekat bagi kepentingan Negara dan global termasuk bantahan Negara ke atas serangan kejam tentera Israel ke atas bumi Gaza yang membawa banyak kematian dan kemusnahan.
43. PR-1221-L16643
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah cadangan program-program baru Kementerian untuk meningkatkan jumlah pelancong melawat Malaysia pada tahun 2009 dan 2010 dalam situasi ekonomi dunia yang lembap ini.
44. PR-1221-L17362
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 untuk membolehkan umat Islam mengamalkan undang-undang Islam mengikut syariat Islam yang sebenarnya; dan

- (b) adakah Kerajaan menyedari mengehendkan hukuman kepada 3 tahun penjara, RM5000 denda dan 6 kali sebat di bawah akta tersebut bercanggah dengan hukuman Syarak.
45. PR-1221-L18197
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan mengenai cadangan membentuk Majlis Media Kebangsaan dan adakah pihak Kementerian akan mencadangkan pembentukan satu Jawatankuasa Terpilih untuk mengkaji cadangan MMK serta undang-undang yang memberi kesan ke atas media dan kebebasan bersuara.
46. PR-1221-L17194
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah kawalan dan pemantauan dibuat terhadap terjemahan ke dalam Bahasa Melayu dalam rancangan-rancangan terbitan Astro.
47. PR-1221-L18384
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana penubuhan Yayasan Inovasi Negara dapat mempelopori gagasan untuk membangunkan intelektual kapasiti di kalangan rakyat Malaysia terutama di dalam penggunaan teknologi, kreativiti dan inovasi untuk memanfaatkan pembangunan negara.
48. PR-1221-L17341
Tuan Salleh bin Haji Kalbi [Silam] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian untuk merapatkan hubungan Malaysia-Indonesia yang harus diteruskan untuk memelihara hubungan keakraban kita, walaupun asas kerjasama dalam satu rumpun bangsa itu sudah lama terbina.
49. PR-1221-L17097
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengurangkan kemalangan di jalan raya terutamanya atas faktor struktur jalan raya itu sendiri.
50. PR-1221-L16572
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah belia dari kalangan kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera yang telah mengikuti latihan di Institut-Institut Latihan Kemahiran Belia dari tahun 2004-2008. Apakah inisiatif yang telah diambil untuk menarik lebih ramai belia kaum bukan Bumiputera untuk mengikuti latihan di institut-institut tersebut.

51. PR-1221-L17817
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian ini untuk melatih usahawan-usahawan muda terutamanya usahawan luar bandar mengikut kategori latihan yang telah ditetapkan.
52. PR-1221-L17193
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa Akta Kawalan Harga 1946 dengan menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga (Barang-barang Harga Terkawal) 2008 di fahami serta di ikuti oleh para peniaga.
53. PR-1221-L18242
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan status proses pengambilalihan aset air milik Kerajaan negeri oleh Pengurusan Aset Air Bhd. dan apakah mekanisme pembiayaannya.
54. PR-1221-L17156
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua projek Kerajaan Pusat dan Negeri serta nilai peruntukan untuk Parlimen Kuala Terengganu dalam RMK-8 dan RMK-9 dan manfaatnya kepada rakyat kawasan itu dan negeri Terengganu secara keseluruhannya.
55. PR-1221-L18037
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapakah MASKARGO di Negara China melantik syarikat agen kargo udara Guangdong Gaojet yang dipunyai oleh warga China yang telah disenaraihitamkan oleh syarikat penerbangan China Southern yang memberi tawaran yang lebih teruk daripada syarikat agen kargo udara Malaysia, Malaysia-Beijing Travel Sdn Bhd. Bukankah ini menjejaskan peluang perniagaan syarikat Malaysia di luar negeri.
56. PR-1221-L17298
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **Menteri SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bencana alam seperti banjir sering kali berlaku tanpa mengira lokasi atau tempat termasuk di Pekan Sri Jaya dan Sungai Jerik di kawasan Parlimen Maran di daerah Maran. Apakah kementerian mempunyai perancangan khas bagi mengurangkan risiko banjir yang melanda kawasan berkenaan.

57. PR-1221-L17564
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan strategi Kementerian untuk membantu meringankan beban yang dihadapi oleh penoreh getah terutama pekebun kecil yang berhadapan dengan penurunan harga getah yang begitu mendadak. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi apa-apa insentif seperti yang dinikmati golongan nelayan.
58. PR-1221-L16570
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan-tindakan yang sudah diambil bagi memastikan tragedi tidak akan berulang seperti kejadian tanah runtuh Bukit Antarabangsa dan Highlands Tower terutama sekali di negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak.
59. PR-1221-L18360
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan polisi berkecuali pihak polis dan mengapakah pihak polis enggan mengambil tindakan terhadap pemaju perumahan yang secara keras memberhentikan kerja-kerja pemasangan paip air oleh Lembaga Air Perak sebuah agensi Kerajaan negeri Perak melalui Jalan Seri Sentosa 9, Taman Sentosa, 32000 Ayer Tawar, Perak.
60. PR-1221-L17567
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan keberkesanan program TEKUN dan amanah IKHTIAR. Berapakah jumlah dana yang telah diperuntukkan dan berapa pula yang telah di agihkan di Kedah amnya dan di kawasan Merbok khususnya, apakah pengalaman pembayaran balik dana pusingan tersebut, khususnya untuk tahun 2008.
61. PR-1221-L16501
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah rasionalnya dan apakah ianya bukan satu projek yang membazir untuk membina satu lagi Lapangan Terbang di Labu yang tidak jauh dari KLIA; dan
 - (b) adakah pihak Kerajaan sedar begitu ramai rakyat yang mengkritik dan mengesam cadangan tersebut hingga Lapangan Terbang yang baru dicadangkan ini diberi nama Luncai Terjun Labu Airport (LTLA).

62. PR-1221-L17446
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk menyemak anggaran kutipan hasil yang diasaskan pada harga baru minyak mentah. Bagaimanakah kesan tindakan ini terhadap pelaksanaan Bajet 2009; dan
 - (b) jika tidak, daripada manakah datangnya lebih hasil sedangkan anggaran pendapatan Kerajaan yang terkumpul dijangka menurun.
63. PR-1221-L18363
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis mengikut bahagian pentadbiran di daerah Manjung dan adakah Kerajaan bercadang menambah bilangan anggota polis di daerah tersebut untuk membolehkan keselamatan di daerah ini dapat dijaga dengan lebih baik.
64. PR-1221-L18002
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah bahasa pengantar yang akan digunakan bagi kampus cawangan universiti-universiti ulung dari China dan Hong Kong yang mungkin dibuka di negara kita, termasuk di Iskandar Malaysia.
65. PR-1221-L18295
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk tahun-tahun 2004-2008 menyeluruh, jumlah pusat-pusat dialisis Kerajaan dan juga pusat-pusat swasta mengikut negeri, berapa jumlah pesakit yang menerima rawatan pada tahun-tahun tersebut dan juga julat harga rawatan yang diberi.
66. PR-1221-L17711
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian menangani kebanjiran drama Indonesia dalam tayangan televisyen Kerajaan sejak akhir ini mendapat sambutan di kalangan khalayak penonton.
67. PR-1221-L18150
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bidang-bidang industri yang akan dijejaskan oleh keadaan ekonomi dunia yang lemah pada tiga dan enam bulan yang akan datang dan kesannya ke atas pekerja-pekerja dalam bidang-bidang masing-masing.

68. PR-1221-L18044
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar inflasi, nilai wang ringgit berbanding dengan tukaran wang asing utama dan rizab negara untuk setiap penggal 2008 dan ramalan tahun ini. Apakah sebab ia naik/turun.
69. PR-1221-L18380
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan W.P LABUAN tidak terpinggir dalam menerima kedatangan pelawat dalam negeri dan asing. Ini adalah berikutan pemberhentian jadual penerbangan AIR ASIA sejak 12 Januari tahun ini dan juga kekurangan jadual penerbangan Malaysia Airline (MAS) yang buat masa ini hanya dua (2) penerbangan iaitu untuk perjalanan Kota Kinabalu - Labuan - Kota Kinabalu begitu juga dengan Labuan - Kuala Lumpur - Labuan.
70. PR-1221-L17137
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan mencadangkan sebarang aktiviti pelancongan di sepanjang Sungai Rejang (sungai terpanjang di Malaysia) yang kaya dengan pelbagai khazanah sumber alam sekitar. Jika tidak, kenapa.
71. PR-1221-L17334
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan mempercepatkan projek naik taraf lebuh raya persekutuan di bandar Klang yang menyebabkan kesesakan lalu lintas yang amat serius dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi kesesakan di Klang.
72. PR-1221-L16592
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah cara gerai-gerai di kawasan rehat di lebuh raya-lebuh raya Persekutuan diagihkan kepada peniaga-peniaga serta menjelaskan mengapakah gerai-gerai ini tidak diagihkan secara adil kepada semua kaum di Malaysia.
73. PR-1221-L16701
Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia menimbang agar mengatur satu program yang bersepadu dan berkesan untuk membantu kira-kira 496,500 buah isi rumah yang berada dalam kumpulan pendapatan di bawah RM1000 sebulan di seluruh negara dari segi aspek bantuan pendidikan, sewa rumah, kesihatan dan sebagainya.

74. PR-1221-L17292
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek-projek kemajuan yang dimajukan oleh RISDA dan FELCRA di Kelantan dari segi luas kawasannya dan syarikat-syarikat yang memajukan sama ada projek RPT dan RKT.
75. PR-1221-L17573
Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai bagi dana-dana Venture Capital yang telah ditubuhkan dan diusahakan oleh Kerajaan bagi sektor-sektor seperti IT, Biotech, eContent, Malaysia Life Sciences Capital Fund dan sebagainya. Berapakah jumlah paten, hasil eksport, peluang pekerjaan yang telah dapat diwujudkan melalui program-program tersebut dan apakah usaha-usaha seterusnya bagi menjayakan lagi dana-dana Venture Capital ini di dalam mengembangkan ekonomi negara di masa hadapan.
76. PR-1221-L16861
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah FELDA merangka satu dasar tanaman semula getah dan kelapa sawit yang membolehkan peneroka bebas daripada bebanan hutang apabila penanaman semula dilakukan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu. “

2. **Yang Berhormat Dato' Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas.”

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R. 31/2008) | Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 4. | (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008. | “ |
| 5. | (D.R. 14/2008) | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. | “ |
| 6. | (D.R. 15/2008) | Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. | “ |
| 7. | (D.R. 19/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. | “ |

- | | | | |
|-----|----------------|---|---|
| 8. | (D.R. 28/2008) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008 | “ |
| 9. | (D.R. 18/2008) | Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008. | “ |
| 10. | (D.R. 20/2008) | Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. | “ |
| 11. | (D.R. 26/2008) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008. | “ |
| 12. | (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. | “ |
| 13. | (D.R. 13/2008) | Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008 –
Pertimbangan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008) | “ |

14. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8 (3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM30 juta kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti.”

15. PR-1221-U16540

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa fenomena pemanasan dunia (Global Warming) sejak akhir-akhir ini telah menjadi begitu serius dan negara Malaysia tidak terkecuali daripada hambatan fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan cuaca negara kita tidak lagi menentu di mana hujan dan panas tidak lagi bermusim. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat, tanah runtuh dan banyak lagi kemusnahan alam sekitar yang lain. Dan mengambil maklum bahawa, kesan pemanasan dunia ini telah menyebabkan suhu air laut meningkat yang mana menyebabkan paras air laut meningkat dan kemusnahan terumbu-terumbu karang yang dahulunya menjadi sarang pembiakan hidupan marin.

Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, akibat daripada fenomena ini, ramai jiwa yang tidak berdosa juga turut terkorban. Maka, dengan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil peranan secara aktif dan mengerahkan semua jentera Kerajaan untuk meminda dan menguatkuasakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau pun yang bakal dipinda, supaya mana-mana aktiviti yang boleh menyebabkan kemusnahan alam ini dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap minima."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

16. PR-1221-U16550

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara Malaysia mula dipengaruhi dengan masalah polarisasi kaum. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya polarisasi kaum ini tidak dibendung sekarang, negara akan terjunam ke kancah ketegangan dan perpecahan kaum. Dan mengambil maklum bahawa peranan untuk mengharmonikan hubungan antara kaum di negara ini boleh dipupuk dengan berbagai cara termasuklah peranan oleh Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa usaha Kerajaan dalam menangani masalah ini boleh dipanjangkan lagi kepada badan-badan yang dimaksudkan di atas. Dan mengambil maklum juga bahawa syarikat-syarikat termasuklah agensi-agensi Kerajaan atau para majikan juga boleh memainkan peranan yang penting ke arah keharmonian kaum di negara ini, di mana sekiranya para majikan menyediakan kuota bagi pengambilan pekerja mereka di semua peringkat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar-dasar atau akta meminta badan-badan yang disebutkan di atas untuk memainkan peranan dalam usaha ini dan dalam pada yang sama Kerajaan hendaklah memberikan mereka dana yang secukupnya bagi maksud ini. Maka dengan ini dewan ini hendaklah juga mengambil ketetapan untuk meminta dan memastikan majikan untuk mengamalkan pengambilan pekerja menurut pecahan kaum di negara ini."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

17. **Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)** akan mencadangkan :-

'Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 bahawa apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

“It took me six months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to. That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense.”

dan kemudian menjelaskan [pada 8hb November, 2008, berkenaan laporan dalam akhbar NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

“I refer to your report on page 4 of the NST headlined, “Stop it now, corrupt court staff warned. “

Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it.”

Yang mana adalah jelas merupakan satu penipuan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk.

Dan Dewan ini mengambil notis, bahawa Surat Terbuka bertarikh 16hb Disember 2008 oleh YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor telah memanggil kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi untuk meletak jawatan sebagai Ketua Hakim, Malaysia atas alasan bahawa beliau telah mengakui secara umum bahawa beliau telah melakukan rasuah pada tahun 1987 tetapi sehingga kini YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor masih belum menerima sebarang maklum balas daripada beliau dan ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi mengakui diri beliau adalah korup.

Dan Dewan ini memanggil Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu Tribunal berdasarkan fasal 4 untuk memecat Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah menipu secara umum.

Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada Tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 2) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 3) YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
- 4) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)

- 5) YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- 6) YB Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- 7) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 8) YB Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)
- 9) YB. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Batu Kawan)
- 10) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- 11) YB Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
- 12) YB Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
- 13) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 14) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 15) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 16) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 17) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan)
- 18) YB Dr. Charles Santiago (Klang)
- 19) YB Tuan Jef Ooi Chuan Aun (Jelutong)
- 20) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
- 21) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 22) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 23) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
- 24) YB Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)
- 25) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 26) YB Tuan Gobalakrisnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 27) YB Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)
- 28) YB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)
- 29) YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)

- 30) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 31) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 32) YB Dato' Johari Abdul (Sg. Petani)
- 33) YB Dato' Dr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)
- 34) YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)
- 35) YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai)
- 36) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 37) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 38) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 39) YB Dato' Kamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- 40) YB Dato' Haji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah
(Kota Bharu)
- 41) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 42) YB Dr. Lo' Lo' binti Haji Mohamed Ghazali (Titiwangsa)
- 43) YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)
- 44) YB Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 45) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 46) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 47) YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof (Rantau Panjang)
- 48) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
- 49) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 50) YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok)
- 51) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 52) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 53) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)

- 54) YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
- 55) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 56) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 57) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 58) YB. Tuan Muhamad bin Husain (Pasir Putih)
- 59) YB. Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
- 60) YB. Tuan Mohd Nasir Bin Zakaria (Padang Terap)
- 61) YB. Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)
- 62) YB. Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

(Perdana Menteri)

18. PR-1221-U16591

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan para majikan terutama sekali dalam sektor industri tani, perladangan dan pembuatan bahawa mereka terpaksa mengambil atau mengimport tenaga kerja daripada negara luar kerana ketiadaan tenaga kerja dari negara ini. Dan mengambil maklum bahawa dengan kebanjiran tenaga kerja dari luar negara ini, banyak masalah sosial yang timbul selain daripada masalah ketenteraman awam. Selain itu tukaran asing negara juga turut terlibat dengan pemindahan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit sebulan setiap kali mereka mengirinkan wang ke negara asal mereka.

Dan mengambil maklum bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bernegara (stateless kids) pemegang IMM13 dan mereka yang diberikan status penduduk tetap di negeri Sabah dan juga negara Malaysia.

Mereka ini merupakan sumber tenaga buruh yang sedia ada di negara ini dan kebanyakan mereka ini tidak lagi bercadang untuk kembali ke negara asal mereka dan sekali gus tukaran asing negara tidak terjejas kerana tidak ada kiriman wang yang dibuat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan latihan vokasional kepada mereka yang dimaksudkan di atas bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini dan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga kerja asing."

(Menteri Sumber Manusia)

19. PR-1221-U16629
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada masyarakat India dan Cina menjawat jawatan di sektor perkhidmatan awam secara beramai-ramai."
- (Perdana Menteri)**
20. PR-1221-U16630
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membina Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia demi memenuhi keperluan masyarakat India."
- (Menteri Pelajaran)**
21. PR-1221-U16698
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan mengenal pasti dan merancang satu sistem pelupusan sisa pepejal yang terbaik, bersepadu dan mesra alam dalam kadar seberapa segera mungkin bagi membolehkan sisa pepejal dapat di kitar semula sehingga lebih 70% supaya boleh ditukar dalam berbagai produk termasuk penjaan tenaga dan 30% sisa organik lain boleh dijadikan baja kompos setelah disimpan hanya beberapa bulan di tapak pelupusan sanitari. Cadangan ini dibuat memandangkan hampir semua negeri-negeri di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tapak pelupusan sisa pepejal yang kemudian berkait dengan jadual kutipan sisa pepejal dan status kebersihan sekitar. Dalam masa yang sama usaha gigih perlu dibuat dalam melatih dan mendisiplinkan masyarakat melaksanakan sistem kitar semula sebagaimana yang dilaksanakan dalam negara maju bagi memudahkan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang."
- (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

22. PR-1221-U16702

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta supaya Pengajaran/Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSM) terutama peringkat rendah sudah sampai masa di tukar balik pengajarannya dalam Bahasa Ibunda masing-masing memandangkan tahap pencapaian pelajar selepas satu kohot jelas kurang memuaskan terutama bagi pelajar luar bandar (Desa). PPSMI yang dilaksanakan sejak September 2002 adalah bertentangan dengan Dasar Kebangsaan, Akta Pendidikan 1961/1986/1996, Penyata Rahman Talib, 1960, Penyata Razak, 1956 serta akta-akta lain termasuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh itu kita perlu kembali kepada dasar yang betul iaitu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri."

(Menteri Pelajaran)

23. PR-1221-U16704

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan membina banyak lagi empangan di hulu sungai bagi membantu mendapatkan bekalan air bersih tanpa pencemaran yang tinggi sebagaimana amalan sekarang di mana punca air diambil dari sungai yang sudah tercemar."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

24. PR-1221-U16710

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia supaya tidak membazir wang yang banyak dalam menyediakan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai bagi menjaga keselamatan dalam mana-mana pilihan raya kecil bagi memastikan demokrasi berjalan lancar kerana rakyat makin matang dan bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak keselamatan apabila ruang dan peluang yang sama dan adil diberi kepada parti-parti yang bertanding. Sebaliknya bilangan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai boleh mewujudkan suasana tegang, tidak selesa dan risau kepada pengundi."

(Menteri Dalam Negeri)

25. PR-1221-U16788

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk mengambil pendirian mengenai kezaliman yang sedang berlaku di Negara Palestin dan Sri Lanka yang tidak menghormati hak asasi manusia sehingga membunuh beribu-ribu nyawa yang tidak bersalah."

(Menteri Luar Negeri)

26. PR-1221-U16790

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan harus mengubahsuaikan cara koordinasi yang baru melalui penubuhan satu suruhanjaya untuk memantau kemajuan sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) serta pengambilan guru-guru tetap di sekolah-sekolah ini secara seimbang."

(Menteri Pelajaran)

27. PR-1221-U16990

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana Pasukan Polis Diraja berjaya melaksanakan syor-syor Laporan Suruhanjaya Diraja, pengambilan rekrut untuk mencapai bilangan 150,000 anggota dan keberkesanan untuk menjaga keselamatan di seluruh negara."

(Menteri Dalam Negeri)

28. PR-1221-U16991

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tsunami kewangan termasuk sebab musabab harga diesel, gas dan petrol tidak boleh diturunkan lagi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

29. PR-1221-U17074

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

30. PR-1221-U17085

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa bekas Menteri Luar Negeri (1999), Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tetap 13(2) dan dibawa ke Jawatankuasa Disiplin kerana berbohong di Dewan Rakyat yang mulia pada 15 Julai 1999. Pada hari tersebut ketika membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang dirujuk di dalam Hansard Jilid V, Bil. 24, 15 Julai 1999, p.67 berkata:-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut laporan dan cadangan International Coordinating Committee (ICC) bertarikh 21 April 2008 di Geneva, penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 tidak berlandaskan kepada Prinsip Paris sehingga kedudukan Malaysia mungkin diturunkan dari "A" kepada "B".

(Perdana Menteri)

31. PR-1221-U17179

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini memutuskan agar setiap penduduk di Sabah yang telah dan sedang mendaftar sebagai Daftar Lewat Sijil Kelahiran yang terkandung dalam Undang-undang Pendaftaran Sijil Kelahiran juga mengguna pakai Ordinan Kelahiran Sabah, Cap 123 tahun 1953 yang disatukan sebagai undang-undang sewaktu pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran."

(Menteri Dalam Negeri)

32. PR-1221-U17183
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan dengan ini menetapkan untuk membincang berkaitan tarikh pembentukan negara Malaysia agar perkara ini tidak lagi dipertikaikan dan tarikh tersebut dapat dicatatkan ke dalam rekod Kerajaan dan dapat dicetak ke dalam buku sejarah yang diguna dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi."
- (Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**
33. PR-1221-U17188
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan dengan ini dapat membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan Cabotage Policy agar polisi ini tidak mengetepikan hak rakyat Sabah dalam pengangkutan perkapalan laut serta tidak membezakan harga barangan seharian bagi Semenanjung dan Sabah / Sarawak."
- (Menteri Pengangkutan)**
34. PR-1221-U17960
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan harus menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan segera. Ini dapat dijelaskan melalui SUHAKAM. SUHAKAM menyatakan bahawa ISA menahan seseorang tanpa bicara bertentangan dengan deklarasi Hak Asasi Manusia. Dalam laporan dan kajian SUHAKAM mencadangkan agar akta zalim itu dimansuhkan sepertimana hasil kajian yang telah dihantar kepada Kerajaan sejak tahun 2003."
- (Perdana Menteri)**
35. PR-1221-U17966
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan membahaskan dan memindahkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) sepertimana ditegaskan oleh The International Coordinating Comitte (ICC) bahawa beberapa perkara tidak jelas dan mematuhi prinsip-prinsip Paris dan kemungkinan diturunkan dari status A ke B. Berdasarkan pemerhatian oleh ICC, SUHAKAM diberi tempoh sehingga April 2009 sahaja dan Kerajaan harus memberi perhatian serius untuk mempertahankan status SUHAKAM."
- (Perdana Menteri)**

36. PR-1221-U18080

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang negara."

(Menteri Penerangan)

37. PR-1221-U18084

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

38. PR-1221-U18087

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

39. PR-1221-U18090

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

40. PR-1221-U18093

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Perdana Menteri)

41. PR-1221-U18211

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibentangkan kepada Panel Penilaian Bebas untuk dinilai dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara, kemudian dibahaskan dalam Parlimen, demi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. Ini adalah berikutan dari kes prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum."

(Menteri Pertahanan)

42. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

'Islam adalah agama bagi Persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'.

(Perdana Menteri)

43. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

‘Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat ia berlawanan itu’.

(Perdana Menteri)

44. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

‘Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, **termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam**.

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya’.

(Perdana Menteri)

45. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

‘tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan’ dan diganti dengan perkataan berikut:-

‘dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syarak’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang

Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas”.

(Perdana Menteri)

46. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah memansuhkan dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain anggota beruniform tidak dipaksa dan/atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di hadapan Tugu Negara”.

(Menteri Dalam Negeri)

47. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja”.

(Perdana Menteri)

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Luar Negeri)

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan pembangunan berjumlah RM1,000,000-00 dan lain peruntukan yang selama ini diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional juga diberikan kepada kesemua Ahli Parlimen termasuk dari bukan Kerajaan menurut terma dan syarat sebagaimana yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional”.

(Menteri Kewangan)

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Perdana Menteri)

51. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**’ dengan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

(Menteri Kewangan)

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

(Menteri Pelajaran)

53. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan atau halangan”.

(Menteri Penerangan)

54. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

(Menteri Dalam Negeri)

55. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Air Asia supaya kakitangan wanitanya terutama pramugari hendaklah berpakaian yang lebih sopan sekurang-kurangnya seperti pramugari Penerbangan Malaysia”.

(Menteri Pengangkutan)

56. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia dan Air Asia supaya membenarkan kakitangan wanitanya yang beragama Islam khususnya pramugari dibenarkan memakai tudung menurut yang ditetapkan oleh hukum syarak’ dengan pakaian seragam yang bersesuaian sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

57. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras sebagaimana yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei dan lain-lain”.

(Menteri Pengangkutan)

58. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya”.

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

59. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

60. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Hindu Hindraf dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

(Menteri Dalam Negeri)

61. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Aidilfitri dan Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

(Perdana Menteri)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.176	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	17 Februari 2009
ST.177	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	17 Februari 2009
ST.178	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	17 Februari 2009
ST.179	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2007 (Telah Diaudit).	17 Februari 2009